

# Buletin MDT

Majlis Daerah Tapah



EDISI 1 / 2024

JALAN STESYEN, 35000 TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN



## PROGRAM IBADAH KORBAN

ERATKAN SILATURAHIM ANTARA KAKITANGAN



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023 **MS 4**



MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS **MS 8**



PENARAFAN BINTANG **MS 10**

# ISI KANDUNGAN

# SIDANG EDITOR

PERKARA	MUKA SURAT
UCAPAN YANG DIPERTUA	3
PAMERAN PRODUK PELANCONGAN SEMPENA 150 TAHUN BANDAR TAIPING	4
MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023	5
PEMASANGAN PERANTI MYPATIL FASA 1 DI TAPAH	6
PERLAWANAN PERSAHABATAN MDT FC VS ANSONNFORCE (MPTI)	6
LAWATAN KE MASJID AL-BUSYRA, MERBOK KEDAH DARUL AMAN	7
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS SESI 2024-2025	7
MAJLIS PERASMIAN SENGOI HIK DISCOVERY CENTER, TAMAN ECO RIMBA LATA KINJANG	8
PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK TAHUN 2024	9
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024	10
RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PARLIMEN TELUK INTAN	11
MAJLIS SUMBANGAN BERAS	11
PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG	12
HARI BERTEMU PELANGGAN DAERAH BATANG PADANG	13
PROGRAM IBADAH KORBAN KELANG ANGGOTA MAJLIS DAERAH TAPAH	14

## PENASIHAT

Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir,  
C.A. (M)  
Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah

## PENGERUSI

TPr. Haji Zuhairi Bin Hashim,  
A.M.P, P.P.T  
Setiausaha Majlis Daerah Tapah

## KETUA EDITOR

Pn. Norsahani Azura Binti Jaafar

## SIDANG EDITOR

1. Pn. Zahawiah Binti Abd. Kadir
2. En. Sharizal Bin Abdul Rahman
3. En. Muhamad Fauzi Bin Abd. Jalal
4. En. Abdullah Nasih Ulwan Bin Hussain
5. Pn. Fauzatuswar Binti Mohd Basri
6. En. Hamidi Bin Rusli
7. Pn. Suzilawati Binti Fauzi
8. En. Muhamad Hilman Bin Mohd Nasir
9. Pn. Munazirah Binti Mohamad
10. En. Mohd Hafizunnaim Bin Hasnan
11. En. Mohd Fareez Aiman Bin Abdul Wahab
12. En. Muhammad Ariffiuddin Bin Rosli

## JURUGAMBAR & PEREKA GRAFIK

En. Mohd Rabiul Khairi Bin Abdul Rashid

## PENERBIT

Unit Korporat, Perhubungan Awam &  
Pelancongan Majlis Daerah Tapah

Telefon : 05-4011326/2329

Faks : 05-4012288

H/P : 010-6530326

Website : [www.mdtapah.gov.my](http://www.mdtapah.gov.my)

Facebook : Majlis Daerah Tapah

Instagram : majlisdaerahtapah



# UCAPAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum W.B.T. dan salam sejahtera buat warga pembaca Buletin Majlis Daerah Tapah bagi Edisi Pertama (Januari-Jun 2024) yang sentiasa menanti keluaran naskah ini. Mudah-mudahan Allah S.W.T. sentiasa memberi rahmat kepada kita semua yang hanyalah insan kerdil tetapi berwibawa bagi mensejahterakan tanah Tapah ini buat bekalan generasi masa depan. Dengan penuh rasa kesyukuran, Buletin Majlis Daerah Tapah pada kali ini merupakan terbitan pembuka bagi tahun 2024. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab saya bagi memastikan agenda buletin ini agar terus padat dan jitu dengan pelbagai maklumat serta informasi mengenai perancangan dan program yang dilaksanakan bagi melestarikan bandar. Akhir kata, saya berharap agar seluruh warga kerja MDT akan terus berusaha meningkatkan prestasi dengan lebih cemerlang demi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah baik dan sempurna, selain meningkatkan pembangunan dan kemajuan demi kesejahteraan rakyat. Selamat Membaca dan Salam Malaysia Madani.



.....  
Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir , C.A.(M)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tapah





# PAMERAN PRODUK PELANCONGAN SEMPENA 150 TAHUN BANDAR TAIPING

**20 JANUARI 2024** – Telah berlangsung Majlis Perasmian Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-150 Bandar Taiping di Dataran Warisan, Taiping. Majlis Daerah Tapah (MDT) telah di jemput untuk mempromosikan pelancongan daerah Batang Padang dengan memperkenalkan produk-produk daerah Batang Padang menerusi Unit Korporat, Perhubungan Awam & Pelancongan. PBT Perak yang lain juga tidak ketinggalan turut serta dalam pameran ini dengan mempersembahkan produk pelancongan daerah masing-masing. Tahniah diucapkan kepada Majlis Perbandaran Taiping atas kejayaan penganjuran majlis ini dan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput MDT bagi mempromosikan produk pelancongan. Majlis dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Saarani Mohamad, Menteri Besar Perak diiringi YB Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Tuan Loh Sze Yee, Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak. Turut hadir bersama Encik Mohd Helmi Arifin, Setiausaha Perbandaran MPM, juga tidak ketinggalan Orang Besar Jajahan Batang Padang YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid Bin Ayob dan Pegawai Daerah Batang Padang Tuan Ahmad Redhaudbin Bin Ahmad Shokori, semoga penganjuran majlis ini akan menyemarakkan lagi Tahun Melawat Perak 2024.



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023

**30 Januari 2024** - Telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023, Majlis yang diadakan di Dewan Merdeka Tapah ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah. Ahli-Ahli Majlis Majlis Daerah Tapah juga turut dijemput hadir bagi menjayakan Majlis ini. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu Negeri Perak, bacaan doa, bacaan ikrar dan persembahan T- Baton daripada pasukan Penguatkuasa Majlis Daerah Tapah. Seramai 13 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 3 penerima Anugerah Terampil, 3 penerima Anugerah Khas YDP, dalam majlis ini Yang Dipertua turut merasmikan Laman Web berwajah baru Majlis Daerah Tapah. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023



# PEMASANGAN PERANTI MyPATIL FASA 1 DI TAPAH

**9 FEBRUARI 2024** - Pemasangan dan sesi percubaan keberkesanan peranti lesen digital MyPATIL fasa 1 di Tapah. MyPATIL adalah lesen premis digital pertama di Malaysia yang berasaskan teknologi pintar Internet of Things (IOT) bagi menggantikan kaedah lesen konvensional dalam bentuk kertas dan papan lesen sedia ada di semua premis perniagaan berlesen. MyPATIL merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam pelan Perak Sejahtera 2030 serta salah satu fokus kerajaan negeri tahun 2024 dalam keterangkuman inisiatif dan infrastruktur digital.



## PERLAWANAN PERSAHABATAN MDT FC VS AnsonNforce (MPTI)

**29 Februari 2024** - Telah berlangsung Perlawanan Persahabatan antara pasukan MDT FC menentang pasukan PenguatkuasaMajlis Perbandaran Teluk Intan (AnsonNforce) pada di Stadium Tun Ahmad Sarji, Tapah jam 9.00 malam. Keputusan perlawanan berakhir dengan kemenangan buat pasukan pelawat, MDT FC (0) VS AnsonNforce (2). Semoga aktiviti perlawanan persahabatan seperti ini dapat mengeratkan ukhuwah antara MDT dan PTB yang lain.



# LAWATAN KE MASJID AL-BUSYRA, MERBOK, KEDAH DARUL AMAN

**3 MAC 2024** - Satu Lawatan sambil belajar ke Masjid Al-busyra bersama AJK-AJK Masjid Abu Hurairah, Bidor dan Masjid Sultan Nazrin Muizzudin Shah, Tapah bersama Majlis Daerah Tapah, turut serta dalam lawatan ini, yang Dipertua Majlis Daerah Tapah Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir dan Orang Besar Jajahan Batang Padang, YDH. Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid Bin Ayob. Terima kasih kepada pihak Pengurusan Masjid Al-Busyra kerana sudi menerima lawatan dan berkongsi ilmu bagaimana cara pihak pengurusan menguruskan masjid hingga mampu menjana pendapatan dan menjadi Masjid popular di Tiktok.



# MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS SESI 2024-2025

**19 Mac 2024** - Telah berlangsung majlis angkat sumpah Ahli Majlis, Majlis Daerah Tapah untuk sesi 2024-2025 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Majlis Daerah Tapah. Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir memulakan majlis angkat sumpah sebelum Ahli Majlis yang lain memulakan angkat sumpah secara berkumpulan. Tahniat kepada semua Ahli Majlis yang terpilih semoga menjalankan tugas dengan penuh amanah dan memberikan perkhidmatan yang terbaik.



# MAJLIS PERASMIAN SENGOI HIK DISCOVERY CENTER TAMAN EKO-RIMBA LATA KINJANG

**21 Mac 2024** - YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad merasmikan Sengoi Hik Discovery Centre Taman Eko-Rimba Lata Kinjang, di sini. "Sengoi Hik" adalah bahasa Orang Asli Suku Semai yang membawa maksud "Orang Kita", ia juga adalah refleksi jelas apa yang sedang diusahakan kerajaan negeri dalam menghargai, mengakui, dan memperkayakan kehidupan masyarakat Orang Asli melalui pengenalan dan pemahaman yang lebih luas terhadap budaya dan tradisi mereka. Projek menaik taraf infrastruktur dilaksanakan dalam tiga fasa dimana fasa pertama dan kedua melibatkan penyediaan surau, tandas, parkir kereta dan pelbagai kemudahan lain serta diserahkan kepada Koperasi Orang Asli Lata Kinjang Berhad (KOALKB) pada tahun 2022 untuk diuruskan. Fasa tiga melibatkan penyediaan lima Tiub Kem tambahan, Sengoi Hik Discovery Centre dan laman sesawang rasmi. Fasa ini telah dilaksanakan sejak 2023 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini. Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), YBhg. Datuk Hajah Sapiah binti Dato' Mohd Nor, Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir, Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Chenderiang, YB Encik Choong Shin Heng.





# PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK TAHUN 2024

**27 MAC 2024** - Telah berlangsung Program Memasak Bubur Lambuk anjuran Kelab Anggota Majlis Daerah Taph, program bermula seawal 8.00 pagi di perkarangan tempat letak kereta Ketua Jabatan Majlis Daerah Taph. Program Memasak Bubur Lambuk ini telah mendapat kerjasama yang baik daripada semua staf Majlis Daerah Taph dan Ahli Majlis, sebelum hari bermula semua staf telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan tugas untuk memudahkan urusan program Memasak Bubur Lambuk untuk tahun 2024. Program ini dimeriahkan lagi dengan acara cabutan bertuah barang keperluan harian oleh Kelab Anggota Majlis Daerah Taph, Yang Dipertua Majlis Daerah Taph, Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir turut hadir merasmikan program bersama Setiausaha Majlis Daerah Taph, Tpr. Haji Zuhairi bin Haji Hashim dan turut mengedarkan bubur lambuk kepada wakil setiap jabatan di Majlis Daerah Taph.





# MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024

**24 April 2024** - YDH Toh Paduka Indera Dato' Haji Mat Rasid Bin Ayob, Orang Besar Jajahan Batang Padang hadir ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Majlis Daerah Tapah di Dewan Merdeka Tapah. Majlis yang meriah ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir YDP MDT, TPr. Haji Zuhairi bin Hashim Setiausaha MDT, ADUN Chenderiang YB Chong Shin Heng, Pegawai Daerah Batang Padang Tuan Ahmad Redhaudin Bin Ahmad Shokori, Jurutera Daerah Batang Padang Ir. Ilanchelvan A/L Polanippan, Pegawai Belia dan Sukan Batang Padang En. Megat Hafizal bin Ahmad, serta Pegawai Perpaduan Daerah Batang Padang Pn. Noorzilawati binti Mohd Sharif, Ahli-Ahli Majlis MDT, Anggota Majlis Daerah Tapah serta keluarga bermula pada jam 2.00 petang. Sebanyak 9 gerai dihias cantik dengan pelbagai juadah disediakan. Majlis ini turut dimeriahkan dengan acara penyampaian hadiah oleh Yang Dipertua MDT kepada penerima hadiah Keluarga Sedondon, Pakaian Tercantik Lelaki, Pakaian Tercantik Wanita, Gerai Tercantik dan anugerah terbaru untuk majlis tahun ini Anugerah Personaliti Paling Glamour. Penyampaian hadiah kepada 102 penerima hadiah cabutan bertuah, edaran duit raya dan belon kepada kanak-kanak serta persembahan selingan oleh Band Steady Buskers Gopenhagen. Semoga usaha murni serta kerjasama baik oleh semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan sambutan hari raya kali ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



# RUMAH TERBUKA AIDILFITRI PARLIMEN TELUK INTAN

**03 MEI 2024** - Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Teluk Intan telah diadakan di Dewan Bandaran Teluk Intan. Majlis Rumah Terbuka tersebut yang dirai dengan penuh gilang-gemilang dengan penuh kemeriahan dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Teluk Intan, yang dihadiri oleh 5000 orang warga Teluk Intan. Hadir sama Yang Berhormat Tuan Woo Kah Leong EXCO Kerajaan Negeri Perak, Merangkap ADUN Kawasan Pasir Bedamar, Ketua Setiausaha KPKT YBhg Datuk Wira M Noor Azman Taib, TKSU KPKT Perancangan dan Persekitaran Mampuan YBhg Datuk Saidatu Akhma Hassan, TKSU KPKT Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti YBhg Tn. Hj. Suhaimi Ali, TKSU KPKT Pengurusan dan Pembangunan YBrs Muhammad Razman Abu Samah, Orang Besar Jajahan Daerah Hilir Perak Dato' Hj Meor Redwan Mahayudin, YBrs Tuan Saidi Hj Saari Pegawai Daerah Hilir Perak, YBrs Tuan Zairul Akmal Kasim Yang Dipertua MPTI, YBrs Pn. Halizah Sipun, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Pembangunan, Pegawai-Pegawai daripada KPKT, Pr1ma, Ahli-Ahli Majlis MPTI, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Daerah, Penghulu-Penghulu Mukim Hilir Perak. Majlis Daerah Tapah mengucapkan jutaan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan atas jemputan menyertai Rumah terbuka dan pertandingan gerai tercantik antara PBT Perak.



# MAJLIS SUMBANGAN BERAS

**17 MEI 2024** - Satu majlis penyampaian sumbangan beras telah diadakan bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan melibatkan kawasan yang dibawah seliaan 4 orang Ahli Majlis yang terdiri dari Ahli Majlis Hon Yong Fatt, zon 13 (Pekan Ayer kuning), Ahli Majlis Leow Saw Teng, Zon 11, (Pekan Chenderiang), Ahli Majlis Sunthararajan A/L Govindan, zon 9 (Pekan Temoh) dan Ahli Majlis Choy Kean Lee, zon 5 ( Jalan Pahang, Tapah). Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir turut berkesempatan hadir untuk menyampaikan sumbangan beras kepada penduduk setempat yang terpilih di bawah seliaan Ahli Majlis yang terlibat. Dianggarkan seramai 50 penerima sumbangan beras untuk majlis yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Temoh Stesen. Terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis penyampaian sumbangan beras ini.





# PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG

**7 MEI 2024** - Majlis Daerah Tapah telah menerima kunjungan Panel Penilai Sistem Penarafan Bintang (SPB-PBT) Penilaian SPB-PBT telah dilaksanakan sejak tahun 2008 yang bertujuan untuk menilai tahap penyampaian perkhidmatan PBT kepada rakyat, pelanggan dan pemegang taruh (stakeholders) melalui satu sistem penilaian yang seragam, menempatkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai (1 – 5 Bintang) berdasarkan markah penilaian dan mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat di kalangan PBT. Panel Penilai yang hadir terdiri daripada Puan Raihani binti Che Mamat, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Puan Arbaiyah binti Azlan, Ketua penolong Pengarah, Puan Ong Ei lin, Penolong Pengarah Kanan, Tpr. Ezrein Faizal bin Ahmad, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, TS. Suhaila binti Sulaiman, Pegawai Teknologi Maklumat dan Encik Muhammad Bin Jaafar, Penolong Pegawai Kanan. Alhamdulillah hasil penilaian panel Majlis Daerah Tapah pada hari tersebut, Majlis Daerah Tapah berjaya mengekalkan prestasi 5 bintang seperti penilaian sistem penarafan bintang tahun sebelum ini. Tahniyah diucapkan kepada semua staf yang berjaya memastikan Majlis daerah Tapah mengekalkan status 5 bintang.





# HARI BERTEMU PELANGGAN DAERAH BATANG PADANG

**TAPAH, 13 MEI 2024-** Batang Padang menjadi daerah kedua bagi program MESRA Hari Bertemu Pelanggan (HBP) siri ketiga pada tahun ini. Program tersebut telah diadakan di Dewan Merdeka, YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad berkata sebanyak 154 aduan telah diterima. Seperti kebiasaan, terdapat juga jualan barangan mentah dan keperluan harian dengan harga murah daripada Yayasan Bina Upaya (YBU) dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) serta Jualan RAHMAT anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Pasaraya SEGI. Penganjuran kali ini melibatkan 69 kaunter khidmat pelanggan yang turut melibatkan Majlis Daerah Tapah, 8 kaunter bergerak serta lebih 10 ruai pameran. Dalam perkembangan sama, beliau turut menyampaikan dana yang diluluskan melalui Program Sejahtera Komuniti MADANI (SeJati MADANI) kepada sembilan komuniti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Program SeJati MADANI ini merupakan inisiatif baharu Kerajaan Persekutuan yang bertujuan merancakkan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti bagi meningkatkan pendapatan dengan pemberian dana sehingga RM100,000 kepada komuniti yang layak. Hadir sama, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim; YB Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin; YB Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin, barisan YB Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta YBrs. Pegawai Daerah Batang Padang, Tuan Ahmad Redhaudin bin Ahmad Shokori, Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir dan Setiausaha Majlis Daerah Tapah, Tpr. Haji Zuhairi Bin Haji Hashim.



# PROGRAM IBADAH KORBAN

## KELAB ANGGOTA MAJLIS DAERAH TAPAH

**19 JUN 2024** - Alhamdulillah sekali lagi Kelab Anggota Majlis Daerah Tapah berjaya menganjurkan Program Ibadah Korban untuk tahun 2024, 2 ekor lembu berjaya di korban untuk program tahun ini. Program bermula jam 9:00 pagi bertempat di stadium Tun Ahmad Sarji, Tapah. Kerja-kerja penyembelihan lembu korban di ketuai oleh Encik Muhammad Naim Fakhari bin Alias. ADUN Ayer Kuning, YB Haji Ishsam bin Haji Shahrudin turut berkesempatan menghadiri program ibadah korban ini dan membuat cabutan bertuah untuk ahli Kelab Anggota Majlis Daerah Tapah yang bertuah. Di akhir program Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir bersama Setiausaha Majlis Daerah Tapah, Tpr. Haji Zuhairi bin Haji Hashim menyampaikan agihan daging korban yang sudah siap dibungkus kepada semua Ahli kelab Anggota Majlis Daerah Tapah, usaha murni serta kerjasama baik seperti ini juga dapat merapatkan lagi ukhuwah antara warga kerja Majlis Daerah Tapah.



Lot 1465 Kampung Poh,  
35500, Bidor,  
Perak Darul Ridzuan

+6012-365 0836

UNTUK  
TEMPAHAN


Dikelilingi kehijauan yang subur dan terletak di kaki Banjaran Titiwangsa, **CINTA ABADI RESORT (CAR)** menawarkan kemudahan ideal untuk percutian, percutian yang sangat bermakna untuk semua, sama ada bersama pasangan, seisi keluarga atau berkumpulan. Di sini anda akan berbaur dengan alam semula jadi dan merasai keindahan flora dan fauna di tengah-tengah persekitaran perkampungan tradisional. CAR dibina berasaskan konsep moden tradisional. Sebuah resort berkapasiti rendah dengan kemudahan moden dan tradisional disertai dengan perhatian mesra daripada 'kita' rakyat biasa. CAR terletak di atas sebidang tanah di mana sungai berkeluk-keluk melaluinya. Sungai bergelora ketika mengalir di atas kerikil dan batu, bunyinya yang tidak putus-putus pasti memukau dan menawan. Terapi semula jadi kepada sesiapa sahaja yang ingin menyepi dari kesibukan kota.





Sudahkah anda muat turun myPATIL Biz?

# Bayar Kompaun menggunakan myPATIL Biz bermula April 2024



Muat Turun aplikasi myPATIL Biz sekarang



Dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan:

